

RM 2.90 (SM) RM 3.20 (S/S)

Jawapan



Sila Imbas di Sini



MODUL UASA

BAHASA MELAYU

Tahun 6

GEMILANG

6 Set

AMARAN PERLINDUNGAN HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan daripada terbitan ini tidak dibenarkan dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, digital, rakaman atau cara-cara lain. Pemegang hak cipta dengan ini mengisytiharkan bahawa akan mengambil tindakan undang-undang yang tegas jika terdapat sebarang pelanggaran oleh mana-mana pihak atau organisasi yang didapati bersalah melanggar hak cipta ini. Jika terdapat pelanggaran hak cipta, sila laporkan kepada: 03-6275 2300

6

MODUL UASA

(UNIT 19 - 24)

BAHASA
MELAYU
Tahun 6

Nama: _____ Kelas: _____

011

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Nama: _____ Kelas: _____

011

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

BAHAGIAN A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai. SP 5.1.4

- 1 Cher Kuan _____ mengulang kaji pelajaran pada setiap malam.
A akan B sudah C pernah D sedang
- 2 Beberapa ekor ikan kelihatan berenang-renang di _____ sungai yang jernih itu.
A puncak B dasar C atas D tepi

Soalan 3

Pilih ayat yang betul. SP 5.1.4

- 3 A Arisa berkunjung ke negeri Sabah oleh keluarganya.
B Ibu baru menerima panggilan telefon dari nenek di kampung.
C Pelanggan itu menghulurkan borang yang siap diisi pada kerani bank.
D Puan Zoey telah membuat aduan tentang penipuan kepada pihak polis.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 2.1.1

6 April 2025, Ahad

6:30 pagi

Kami sekeluarga bersiap-siap untuk pulang ke kampung datuk di Batu Pahat. Ayah memeriksa enjin kereta manakala aku menolong ibu mengangkat bagasi, bekalan dan buah tangan ke dalam but kereta.

8:30 pagi

Kami tiba di Plaza Tol Sungai Besi. Banyak kenderaan kelihatan berbaris panjang untuk memasuki lebuh raya. Ayah memandu kereta dengan penuh sabar dan cermat.

9:30 pagi

Kereta ayah tidak dapat bergerak lancar secara tiba-tiba. Ayah memperlahankan kereta dan berhenti di bahu jalan. Ayah turun dari kereta dan memeriksa tayar-tayar keretanya. Rupanya, tayar belakang kereta ayah telah pancit. Aku pun membantu ayah menukar tayar kereta tersebut.

10:15 pagi

Badan ayah dibasahi peluh. Setelah selesai menukar tayar, kami pun meneruskan perjalanan ke destinasi yang ditujui.

1:30 tengah hari

Aku dikejutkan oleh ibu kerana kami telah sampai di rumah datuk. Aku gembira apabila melihat datuk sedang menyambut kepulangan kami di muka pintu rumahnya.

- 4 Ke manakah 'aku' dan keluarganya pergi?
- A Rumah datuknya B Kampung ibunya
C Kampung Batu Pahat D Plaza Tol Sungai Besi
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan di atas.
- A Tayar hadapan kereta ayah 'aku' telah pancit.
B Ayah 'aku' seorang yang bersikap cermat dan prihatin.
C Ibu 'aku' yang membantu ayahnya menukar tayar kereta.
D 'Aku' tidak tidur sepanjang perjalanan ke rumah datuknya.
- 6 Berikut ialah barang-barang yang dibawa oleh mereka dalam perjalanan *kecuali*
- A bagasi. B bekalan. C buah tangan. D buah-buahan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 3.2.3

BAHAN 1

Promosi Cermin Mata Terapi *Eye-Ku*

Adakah anda mengalami rabun jauh, rabun dekat atau masalah lain berkaitan dengan mata? Jika ya, maka anda memerlukan Cermin Mata Terapi *Eye-Ku*.

Kebaikan-kebaikan:

- ★ Selamat digunakan
- ★ Membantu memperbaiki pelihatan
- ★ *Memelihara* mata daripada sinaran UV
- ★ Mengurangkan kuasa kanta
- ★ Kepelbagaian reka bentuk yang moden



Pembelian pek promosi Cermin Mata Terapi *Eye-Ku* akan mendapat:

- ★ Kotak cermin mata yang menarik
- ★ Kain pengelap khas cermin mata

BAHAN 2

Kesihatan mental adalah sama penting seperti kesihatan fizikal. Oleh itu, terdapat beberapa cara yang boleh kita amalkan untuk *memelihara* kesihatan mental.

Pertama sekali, kita dicadangkan untuk bersenam sekurang-kurangnya tiga kali dalam seminggu. Senaman membantu melancarkan peredaran darah dan penghantaran oksigen ke sistem saraf agar otak kita dapat berfungsi dengan lebih baik. Kedua, kita perlu mengamalkan pemakanan seimbang. Pemakanan seimbang membantu kepada perkembangan fizikal dan mental yang sihat.

Seterusnya, kita perlu mendapatkan rehat yang cukup. Masa belajar dan berehat perlulah seimbang. Kita juga harus tidur pada masa yang ditentukan agar otak sentiasa cergas. Akhir sekali, kita perlu berkongsi masalah kita dengan orang yang rapat seperti ahli keluarga dan rakan-rakan. Kita juga boleh berjumpa dengan guru kaunseling untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi.

Jika ya, maka anda memerlukan Cermin Mata Terapi *Eye-Ku*.

- 7 Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A utas.
 - B buah.
 - C bidang.
 - D pasang.
- 8 Berikut merupakan orang yang boleh kita berkongsi masalah *kecuali*
- A rakan-rakan.
 - B ahli keluarga.
 - C pekerja sekolah.
 - D guru kaunseling.
- 9 Perkataan *memelihara* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A menjaga.
 - B membela.
 - C mengawal.
 - D memegang.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Cermin mata *Eye-Ku* dapat menambahkan kuasa kanta.
 - B Reka bentuk cermin mata *Eye-Ku* tidak banyak pilihan.
 - C Kesihatan mental adalah lebih penting daripada kesihatan fizikal.
 - D Senaman membantu melancarkan peredaran darah dan penghantaran oksigen ke sistem saraf.

BAHAGIAN B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 2.1.1

Salam sejahtera saya ucapkan kepada para ibu bapa dan anak-anak. Saya Inspektor Herman Nazrin. Saya ke sini untuk menyampaikan ceramah tentang keselamatan ketika berada di pusat beli-belah.

Para hadirin yang dihormati,

Kini, kadar jenayah di pusat beli-belah semakin meningkat. Oleh itu, orang ramai perlu meningkatkan kesedaran agar kes jenayah dapat dielakkan. Saya ingin berpesan kepada ibu bapa agar mengawasi anak-anak anda semasa mereka bermain di taman permainan di dalam pusat beli-belah. Jangan tinggalkan mereka bermain sendirian di situ sementara anda pergi membeli-belah.

Selain itu, ibu bapa dan anak-anak juga perlu peka dan berwaspada di tempat meletak kenderaan. Ibu bapa mestilah mengunci pintu sebaik-baik sahaja semua anggota keluarga sudah masuk ke dalam kenderaan. Apabila terlihat seseorang yang mencurigakan, hidupkan enjin kenderaan dan meninggalkan tempat itu dengan kadar segera.

Hadirin sekalian.

Sebenarnya, banyak lagi langkah keselamatan yang perlu diberikan perhatian terutamanya oleh golongan ibu bapa. Namun, asas utama setiap langkah tersebut ialah peka dan berhati-hati. Semoga kalian terhindar daripada sebarang kejadian yang tidak diingini.

Sekian, terima kasih.

1 (a) Inspektor Herman Nazrin menyampaikan ceramah tentang _____

[1 markah]

(b) Apakah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa apabila berada di tempat meletak kenderaan?

[2 markah]

- (c) *Bulatkan satu kata perintah yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Jangan tinggalkan mereka bermain sendirian di situ sementara anda pergi membeli-belah.

[1 markah]

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Ibu bapa mestilah mengunci pintu sebaik-baik sahaja semua anggota keluarga sudah masuk ke dalam kenderaan.

Pintu mestilah dikunci oleh anggota keluarga sebaik-baik sahaja semua ibu bapa sudah masuk ke dalam kenderaan.	
Pintu mestilah dikunci oleh ibu bapa sebaik-baik sahaja semua anggota keluarga sudah masuk ke dalam kenderaan.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan. SP 3.2.2

Zaldi telah menerima satu panggilan daripada seseorang yang tidak dikenali. Pihak itu mengatakan bahawa dia telah memenangi sebuah hadiah besar.

- 2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang harus dilakukan Zaldi?

[5 markah]

BAHAGIAN C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang makanan yang berkhasiat.

Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan-kebaikan memakan makanan yang berkhasiat.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. SP 3.2.1



BAHAGIAN D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. SP 3.3.1

DI PUSAT BELI-BELAH



- 1 Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

- 2 Tuliskan sepucuk surat kepada rakan kamu untuk bercerita berdasarkan gambar di atas.

KERTAS UJIAN TAMAT